

29 MAY 1999

MAHATHIR TIBA DI NAGOYA

Oleh: Khairdzir Yunus

NAGOYA, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan tujuh hari ke Jepun.

Dr Mahathir tiba dengan pesawat Penerbangan Malaysia kira-kira pukul 8.45 pagi waktu tempatan (7.45 pagi waktu Semenanjung Malaysia).

Perdana Menteri diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dalam lawatan itu. Dr Siti Hasmah telahpun tiba lebih awal.

Perdana Menteri akan menemui para pelajar Malaysia di bandaraya ini pada sebelah tengah hari.

Beliau juga akan melawat Muzium Peringatan Industri dan Teknologi Toyota, pengeluar terbesar kereta di Jepun, pada Selasa dan selepas itu akan bertolak ke Tokyo.

Di Tokyo, Dr Mahathir akan menemui Naib Menteri Kewangan Jepun Eisuke Sakakibara dan sekumpulan editor dari laman pertubuhan media.

Perdana Menteri juga akan mengadakan persidangan media mengenai buku terbarunya "A New Deal For Asia" dan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan antarabangsa mengenai "Masa Depan Asia".

Dr Mahathir akan pulang pada Jumaat.

-- BERNAMA

KHY FAZ